

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah semua ceramah dan syarahan berkenaan agama Islam di tempat awam dan universiti mesti mendapat kebenaran daripada jabatan agama Islam. Kenapakah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) mempunyai kuasa untuk menyaman Mustafa Akyol, wartawan Turki untuk beri keterangan dan malah mengarah beliau ditahan oleh imigresen di KLIA.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian tauliah kepada penceramah agama Islam sama ada dalam atau luar negara adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/ Majlis Agama

13

Islam Negeri(MAIN) atau Jabatan Mufti. Ini selaras dengan peruntukan Butiran1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, setiap penceramah yang ingin mengadakan program berbentuk ceramah di Malaysia perlu **mendapat kebenaran/tauliah dari JAIN/MAIN/Jabatan Mufti di negeri berkenaan**. Negeri akan mengeluarkan kebenaran /tauliah kepada penganjur ataupun terus kepada penceramah. Bagi sesetengah negeri, pihak yang berautoriti boleh memberikan tauliah sementara kepada penganjur atau penceramah sekiranya memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh negeri masing masing. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam memastikan setiap penceramah memohon tauliah terlebih dahulu.

Bagi Wilayah Persekutuan, penceramah disyaratkan untuk memohon tauliah mengajar berdasarkan kepada Sekyen 96, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Sementara itu, kriteria dalam memberikan tauliah mengajar di Wilayah Persekutuan diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006. Oleh itu, adalah menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang individu itu mengajar tanpa tauliah dan tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atasnya mengikut Seksyen 11(1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Berhubung dengan tindakan yang diambil oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke atas Mustafa Akyol, seorang penulis dan ahli akademik warganegara Turki, JAWI telah menerima aduan awam mengenai pembentangan oleh beliau dalam satu program

bertajuk “*Does Freedom of Conscience Open The Floodgate to Apostasy*”. Program tersebut diadakan di Kuala Lumpur dan terbuka untuk orang awam. Menerusi semakan, mendapati Mustafa Akyol tidak mempunyai tauliah, bahkan pihak penganjur atau beliau sendiri tidak membuat permohonan untuk tujuan tersebut.

Beliau telah diberikan ‘Surat Perintah Hadir’ bagi memberikan keterangan mengikut Seksyen 58 (1), Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560 tetapi gagal mematuhi perintah hadir ke JAWI bagi memberikan keterangan. Beliau dibebaskan setelah JAWI melengkapkan siasatan.

Oleh yang demikian, adalah ditegaskan bahawa tindakan yang dikenakan terhadap Mustafa Akyol dan penganjur adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuatkuasa. Keperluan syarat tauliah merupakan pendekatan bagi memastikan setiap penceramah sama ada dari dalam atau luar negara adalah berkelayakan, tidak membawa fahaman yang menyeleweng dan bersalahan dengan agama Islam serta membawa anasir perpecahan di kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.